

UM 19 SEP 2003

Cukai jalan: Rebat selepas 13 Sept.

KUALA LUMPUR 18 Sept. — Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) hanya akan mengembalikan wang kepada pemilik motosikal yang membuat pembayaran cukai jalan pada atau selepas tarikh 13 September sahaja.

Ketua Pengarahnya, Datuk Emran Kadir berkata, ini bermakna mereka yang membuat pembayaran pada 12 September atau sebelum itu, tidak termasuk dalam golongan yang layak mendapat pengembalian wang.

“Ini disebabkan tarikh berkuatkuasanya pemansuhan cukai jalan kepada pemilik motorsikal 150cc ke bawah adalah pada 13 September iaitu sehari selepas Bajet 2004 dibentangkan.

“Oleh itu, mereka yang membuat pembayaran walaupun sehari sebelum tarikh tersebut tidak akan mendapat pulangan semula kerana ia tidak berkuat kuasa ke belakang,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Pemansuhan cukai jalan bagi motosikal berkuasa 150cc ke bawah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sewaktu pembentangan Bajet 2004 pada 12 September yang lalu.

Bagaimanapun pemilik motosikal di dalam kategori tersebut tetap perlu memiliki perlindungan insurans serta membayar RM2 bagi mendapatkan Lesen Kenderaan Motor (LKM).

Langkah ini membuatkan kerajaan kehilangan pendapatan sebanyak RM177.7 juta setahun kerana kira-kira 5.6 juta dari tujuh juta motosikal di negara ini adalah berkuasa 150cc ke bawah.

Menurut Emran, mana-mana pemilik motosikal yang berhak untuk mendapatkan kembali bayaran cukai jalan yang telah dijelaskan boleh membuat tuntutan di mana pejabat-pejabat JPJ.

“Bagaimanapun pembayaran akan mengambil sedikit masa kerana JPJ perlu memohon peruntukan daripada Perbendaharaan terlebih dahulu.

“Tempohnya mungkin mengambil masa sehingga dua atau tiga bulan kerana wang tersebut sudah berada di dalam akaun Kerajaan Pusat,” ujarnya.